

13 MAC 2018

Rayuan kelakar

62 setempat

13-03-2018

Rayuan kelakar

Penagih mohon tidak ditahan bimbang isteri cantik diganggu

Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor dan Abnor Hamizam Abd Manap
cnews@nstp.com.my

Seremban

“Saya mohon dilepaskan tuan, kasih isteri, saya bimbang dia diganggu orang lain sebab dia cantik,” rayu lelaki berusia 30-an yang ditahan dalam operasi bersepadu dilancarkan polis dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di sekitar Jempol di sini, semalam.

Penagih dadah itu turut

mendakwa dia insaf dan berjanji tidak mengambil dadah lagi serta mahu menjaga anak dan isteri dengan baik jika diberi peluang.

Bagaimanapun rayuannya tidak diendahkan anggota polis dan AADK yang melakukan serbuan itu kerana suspek berada dalam keadaan khayal di bawah pengaruh dadah.

Ketua Polis Daerah Jempol Superintendan Muhd Nur Hishamuddin Hashim berkata, suspek yang tiga tahun menagih dadah itu mendakwa mahu meninggalkan kegiatannya itu, namun dipengaruhi rakannya.

Katanya, suspek mengakui mengambil dadah ketika di luar rumah dan menyembunyikan kegiatan itu daripada ahli keluarga termasuk isteri.

“Lelaki itu antara 24 penagih ditahan bersama syabu seberat 0.41 gram serta heroin seberat 1.06 gram.

FAKTA
Sembilan individu ditahan pada operasi di Kampung Lakai

“Manakala 10 lagi penagih termasuk sepasang suami isteri ditahan di rumah sepanjang 17 jam operasi bermula jam 12 tengah malam Jumaat,” katanya.

Sementara itu, Pengarah AADK Negeri Sembilan Nazira Sadiron berkata, serbuan dilakukan ke atas ke sarang penagih di ladang sawit FEL-

DA Palong 9, 10 dan 11.

Serbuan dilakukan susulan maklumat daripada orang ramai berhubung kegiatan kumpulan penagih dadah menjadikan lokasi berkenaan sebagai port melepasi.

Katanya, 35 anggota polis dan AADK terbabit dalam serbuan itu yang menyerahkan lapan suspek diserahkan kepada polis, manakala 17 lagi disiasat mengikut

Seksyen 3 (1) Akta Penagihan Dadah,” katanya.

Bellau berkata, pada operasi sama di Rembau, 11 individu disaring dan mendapati enam daripada mereka ditahan di Pedas, Chembong serta Kota kerana positif dadah.

“Dalam satu lagi serbuan di Jejebu, sembilan individu ditahan pada operasi di Kampung Lakai, jam 2 pagi hari sama,” katanya.



Sembilan individu ditahan pada operasi di Kampung Lakai, Seremban, DA Palong 9, 10 dan 11.